



# SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

## SME Corp. Malaysia prihatin, ringankan beban pesakit Kanser Kanak-Kanak HKL

**Kuala Lumpur, 7 Mac 2017 –** SME Corp. Malaysia, melalui Kelab SME Corp. Malaysia, Kelab IRIS SME Corp. Malaysia dan AKRAB (Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam), telah mengadakan satu lawatan amal ke Wad Kanser Kanak – Kanak di Hospital Kuala Lumpur (HKL) hari ini, sebagai salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat. Program ini merupakan kesinambungan dari sumbangan yang telah disalurkan melalui program Cancer Care - “Pledge a Pen Project” yang telah dianjurkan oleh Persatuan Ibubapa Anak – anak Sakit Kanser Malaysia (PIBAIK) dan Pertubuhan Pusat Pembangunan Ekonomi Wanita Pakistan Malaysia (PAKNITA) di Hotel Concorde, Kuala Lumpur pada 28 Februari 2017 yang lalu.

Kanser merupakan masalah kesihatan utama di Malaysia yang memberikan kesan kepada orang dewasa mahupun kanak – kanak. Registri Kanser Kebangsaan merekodkan lebih 21,000 rakyat Malaysia disahkan menghidap kanser dan menganggarkan hampir 10,000 kes – kes yang tidak berdaftar setiap tahun yang berpunca dari satu kebimbangan iaitu beban kewangan untuk rawatan terutamanya bagi keluarga yang kurang bernasib baik.

Bagi meringankan beban mereka yang memerlukan, SME Corp. Malaysia bersama-sama PAKNITA dan PIBAIK telah membantu mendapatkan sumbangan untuk disalurkan kanak – kanak sakit kanser melalui hasil dari jualan amal yang diadakan ketika Majlis Perasmian Program Cancer Care serta hasil kutipan dan sumbangan individu dari warga kerja SME Corp. Malaysia. Penyampaian cek sumbangan daripada

SME Corp. Malaysia telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia dan disalurkan kepada PIBAIK sewaktu majlis penyerahan cek yang diadakan di HKL hari ini.

Turut memberikan sumbangan terhadap inisiatif murni ini adalah KidZania, PTS Bookcafe Sdn Bhd, Smart Reader Worldwide Sdn Bhd dan Malaysian Yoghurt Sdn Bhd. Pelbagai aturcara menarik diatur termasuk persembahan oleh *buskers* SME Corp. Malaysia, sesi bercerita, penampilan khas badut dan maskot Chicky, serta slot motivasi oleh adik Syamimie Nadira, salah seorang survivor kanser kanak-kanak HKL.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Cik Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 ([amysarah@smecorp.gov.my](mailto:amysarah@smecorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>  
e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.